

MERAWAT GUNDAH BANGSA

2

*Warkah
Buatmu
Malaysiaaku*

EDITOR PERUNDING
MOHAMED NASSER MOHAMED

PENYELENGGARA

LIM SWEE TIN
ISHAK HAMZAH

ROZAN AZEN MAT RASIP



Buku **WARKAH BUATMU MALAYSIAKU:
Merawat Gundah Bangsa (Jilid 2)**
ini diterbitkan oleh
Nuha Creative Resources

Diterbitkan oleh:
Unit Penerbitan
NUHA CREATIVE RESOURCES
(SA0502593-H)

No. 20 Jalan Desa Mewah 5
Taman Desa Mewah
43500 Semenyih
Selangor Darul Ehsan.
Tel: +6017-565 5656
Emel: nuhakreatif@gmail.com

Cetakan Pertama 2021
Penerbitan © Nuha Creative Resources
Teks © Penulis

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada **Nuha Creative Resources**, No. 20 Jalan Desa Mewah 5, Taman Desa Mewah, 43500 Semenyih, Selangor Darul Ehsan.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Warkah Buatmu Malaysiaku: Merawat Gundah Bangsa
(Jilid 2)
ISBN 978-967-2456-30-8
/Editor Perunding: Mohamed Nasser Mohamed
/Penyelenggara: Lim Swee Tin, Ishak Hamzah & Rozan
Azen Mat Rasip

1. Literature and State
 2. Literature and society
 3. Sociolinguistics
 - I. Mohamed Nasser Mohamed
 - II. Lim Swee Tin
 - III. Ishak Hamzah
 - IV. Rozan Azen Mat Rasip
 - V. Nuha Creative Resources
- 899.2309

Idea Asal, Konsep & Editor Perunding:
Mohamed Nasser Mohamed

Reka bentuk kulit:
Ashaari Mohd Nasir


Teks:
Ramakrishnan

Editor:
MK Riza

Pengarah Penerbitan:
Nurul Iman Nuha Mohamed Nasser

Penyelenggara Luaran:
Siti Hasni Hassan (Ketua)
Alimie Liman
Hafshah Samsuri
Kogila Devi Tanggayah

Dicetak di Malaysia oleh:
Media Graphic
Jalan Othman
46000 Petaling Jaya, Selangor
mediagraphic.et@gmail.com



MERAWAT GUNDAH BANGSA

Warakah *Buatmu* Malaysiaaku **2**

EDITOR PERUNDING
MOHAMED NASSER MOHAMED

PENYELENGGARA
LIM SWEE TIN
ISHAK HAMZAH
ROZAN AZEN MAT RASIP



NUHA BOOKS



SEBUAH IMPRIN
NUHA BOOKS

2022

BAHASA BUSANA BANGSA MALAYSIA

Dilah Tuah

Pada tahun ini, genap 64 tahun bahasa Melayu termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Sebagai Bahasa Kebangsaan tunggal negara, tempoh lebih enam dekad tentunya bukan suatu jangka masa yang singkat. Tambahan pula, usaha perancangan dan pengembangan bahasa Melayu turut diperkukuhkan dengan kewujudan agensi bahasa iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka yang ditubuhkan sejak tahun 1956. Di dunia, tidak banyak negara memiliki badan bahasa yang berfungsi untuk mengembangkan bahasa kebangsaan masing-masing. Salah satu daripadanya ialah Académie Française yang mengawal selia penggunaan bahasa Perancis agar sempurna dari segi peristilahan dan tatabahasa. Impaknya, bahasa Perancis tersenarai sebagai lima bahasa paling banyak penuturnya di dunia. Justeru, bagaimana pula kedudukan bahasa Melayu di Malaysia?

Sebelum menjawab persoalan tersebut, elok kiranya kita telusuri pasang surut perkembangan bahasa Melayu di Malaysia sebelum dan selepas merdeka. Sebagai mana yang diketahui umum, alam Melayu mula dijarah oleh Barat sejak penaklukan Portugis ke atas Melaka pada tahun 1511. British pula terlibat secara langsung dalam politik di Tanah Melayu pada penghujung abad ke-18. Sejak daripada itu, fungsi bahasa Melayu sebagai lingua franca mula tergugat. Manakala, bahasa Inggeris mula berkembang di tanah jajahan British seperti di India, Nepal, Pakistan, Singapura dan Malaysia. Malah di beberapa buah negara di Asia Tenggara, bahasa Inggeris telah menjadi bahasa rasmi dan digunakan dengan meluas dalam sistem pentadbiran dan pendidikan. Di Malaysia, situasi yang sama juga berlaku sebelum merdeka. Namun, berubah setelah negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Secara dasarnya, bahasa Melayu selepas merdeka mempunyai kedudukan dan martabat yang cukup tinggi. Bahasa Melayu bukan sahaja menjadi Bahasa Kebangsaan masyarakat berbilang kaum, malah turut menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan